

Penduduk di rizab sungai dipindahkan

CAMERON HIGHLANDS - Kerajaan akan memindahkan semua penduduk Cameron Highlands yang tinggal di rizab sungai bagi mengelakkan tragedi banjir lumpur yang berlaku di Lembah Bertam sehingga mengorbankan tiga nyawa Rabu lepas berulang kembali.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel berkata, pihaknya akan mendapatkan kerjasama daripada kerajaan negeri Pahang bagi mencari tapak yang lebih sesuai dan selamat.

Menurutnya, para penduduk perlu memberikan kerjasama kerana tindakan tinggal di rizab sungai membahayakan diri mereka sendiri dan keluarga.

"Mereka yang tinggal berhampiran sungai perlu mengutamakan keselamatan dengan memberikan kerjasama dan bersedia untuk berpindah ke kawasan lain yang lebih selamat apabila diarahkan oleh kerajaan.

"Bagi 80 keluarga mangsa banjir Kampung Lembah Bertam kerajaan akan menempatkan mereka kesatuan kawasan yang akan dikenal pasti

dalam masa terdekat ini," katanya di sini, semalam.


Beliau yang juga Ahli Parlimen Cameron Highlands turut menyampaikan bantuan RM100,000 daripada Yayasan Membina Masyarakat kepada kesemua mangsa banjir yang kini ditempatkan di Dewan Orang Ramai Ringlet.

Menurutnya, peruntukan RM40 juta yang diluluskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan digunakan bagi kerja-kerja membaik pulihkan mendalam Sungai Bertam sepanjang tiga kilometer.

"Kerja-kerja tersebut yang akan dimulakan secepat mungkin akan mengambil masa dua atau tiga tahun untuk siap sepenuhnya," katanya.

Palanivel berkata, pejabat Jurutera Daerah Cameron Highlands juga sudah telah meluluskan RM100,000 bagi melakukan kerja-kerja pembersihan Sungai Bertam.

"Kerja tersebut bermula daripada sampah sarap lebih kurang satu kilometer bermula dari Empangan Sultan Abu Bakar sehingga ke Kampung Lembah Bertam," katanya.



Palanivel (empat, kanan) semalam melihat sekitar kawasan sungai yang telah dibersihkan, empat hari selepas bencana banjir kilat yang berlaku di Lembah Bertam.